



KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2533
Faks: 03-8889 5245

Ruj. Kami: (20) dlm.KKM-58/300/1-5 Jld.2

6 November 2015

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
Pengarah-Pengarah Kanan
Setiausaha-Setiausaha Bahagian
Pengarah-Pengarah Bahagian
Pengarah-Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri
Pengarah-Pengarah Hospital / Institusi

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 8 TAHUN 2015

PELAKSANAAN CAJ PENUH BAGI PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014

TUJUAN

1. Surat edaran ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pelaksanaan caj penuh kepada pesakit warga asing mulai 1 Januari 2016.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan Surat Pekeling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 : Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 yang bertarikh 29 Disember 2014 berkenaan dengan pelaksanaan fi perubatan warga asing secara berperingkat dalam tempoh empat (4) tahun seperti berikut:

Tahun 2015 : 30% daripada jumlah peningkatan fi perubatan warga asing;
Tahun 2016 : 50% daripada jumlah peningkatan fi perubatan warga asing;
Tahun 2017 : 70% daripada jumlah peningkatan fi perubatan warga asing ; dan
Tahun 2018 : 100% daripada jumlah peningkatan fi perubatan warga asing

3. Walau bagaimanapun semasa pembentangan bajet tahun 2016 pada 23 Oktober 2015, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa bermula 1 Januari 2016, Kerajaan akan mengenakan caj penuh rawatan kepada pesakit bukan warganegara Malaysia.

PELAKSANAAN CAJ PENUH RAWATAN KEPADA WARGA ASING

4. Selaras dengan pengumuman tersebut, caj penuh rawatan bagi pesakit warga asing akan bermula pada 1 Januari 2016 iaitu dua (2) tahun lebih awal daripada tahun yang disasarkan.
5. Bagi Hospital yang mempunyai sistem pengebilan bil, Bahagian Pengurusan Maklumat sedang bekerjasama dengan vendor dan semua hospital untuk ubahsuai dan kemaskini caj baru tersebut selewat-lewatnya sebelum 31 Disember 2015 bagi memudahkan Unit Hasil hospital melaksanakan caj penuh ke atas pesakit warga asing.
6. Manakala bagi hospital *non-IT* dan klinik kesihatan dikehendaki untuk mengenakan caj penuh dengan merujuk kepada Buku Jadual Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 yang telah diedarkan pada 29 Disember 2014.
7. Semua Jabatan Pešakit Luar atau Jabatan Kecemasan dan Trauma hendaklah mempamerkan kadar bayaran deposit untuk kemasukan ke hospital dan anggaran caj seperti caj wad, caj rawatan dan lain-lain caj yang akan dikenakan kepada pesakit berdasarkan caj penuh tersebut. Ianya bagi membolehkan pesakit warga asing mempunyai pilihan untuk terus menerima rawatan daripada hospital kerajaan atau mendapatkan rawatan di klinik atau hospital swasta. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di semua peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipohn melaksanakan caj penuh bagi warga asing sepetimana yang terkandung di dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
8. Bagi memastikan pelaksanaan kadar baru ini berjalan lancar ianya hendaklah dirujuk bersama dengan surat pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia terdahulu yang telah dimuat naik di dalam web iaitu:
 - (i) Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 – Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 yang telah diedarkan pada 29 Disember 2014;


- (ii) Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 2 Tahun 2015 – Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Bagi Pesakit Warga Asing Yang Tidak Membayar Deposit Semasa mendapatkan Rawatan di Hospital Kerajaan bertarikh 4 Mac 2015; dan
 - (iii) Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 6 Tahun 2015 – Garis Panduan Pengecualian Fi Bagi Penyakit Berjangkit Di Kalangan Warga Asing bertarikh 10 Julai 2015.
9. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkenaan pelaksanaan fi perubatan warga asing boleh menghubungi Unit Hasil, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2016**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK DR. CHEN CHAW MIN)

s.k Ketua Pengarah Kesihatan